

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 NOVEMBER 2016

# Kemenangan Trump tidak jejas hubungan Malaysia, AS

BH - 10/11/2016

→ PM ucap tahniah, mahu kerjasama dua negara diteruskan

Oleh Rohaniza Idris dan Faris Fuad  
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak yakin hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS) tidak akan terjejas dengan pemilihan Donald Trump sebagai Presiden ke-45 negara itu.

Perdana Menteri berkata, hubungan Malaysia dan AS tidak akan berubah kerana kedua-duanya amat memerlukan antara satu sama lain, begitu juga dengan negara lain.

Beliau yang mengakui mengenali secara rapat Trump, berkata pemilihan ini (Presiden AS) di luar jangkaan kerana Trump bukan se-

orang ahli politik yang tahu selok-belok Washington.

"Sebaliknya, Trump adalah bilionair berjaya. Rakyat AS mahu-kan sesuatu yang baharu dari Trump.

"Trump konsisten dengan kempen-pennya yang mahu meningkatkan pendapatan rakyat negara, membangunkan ekonomi dan menyediakan pekerjaan yang memberi pendapatan atau ganjaran yang lebih baik kepada rakyat yang mana isu itu sangat kritikal bagi AS berbanding isu lain," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, dalam kenyataannya, Najib mengucapkan tahniah kepada Trump dan berharap hubungan antara kedua-dua negara diteruskan di bawah kepimpinan beliau.



Hubungan Malaysia dan AS tidak akan berubah kerana kedua-duanya amat memerlukan antara satu sama lain, begitu juga dengan negara lain"

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

Perdana Menteri berkata, AS dan Malaysia telah meningkatkan hubungan ke peringkat perkongsian komprehensif pada 2014 dan saling bekerjasama rapat dalam usaha memerangi keganasan dan ekstremisme di seluruh dunia.

## Ucap tahniah

"Saya mengucapkan tahniah kepada beliau atas kemenangan luar biasa ini dan berharap untuk bertemu beliau tidak lama lagi," katanya.

Najib berkata, dunia telah menyaksikan pilihan raya presiden tahun ini dengan penuh kekaguman.

"Di hampir setiap tempat, pengulas media telah terbukti salah dan keputusan dijangkakan oleh pakar telah tersasar.

"Beliau mengatasi pengaruh konsensus dengan memenangi pencalonan parti Republik dan melakukannya lagi dengan kemenangan luar biasa hari ini (semalam)," katanya.

Kemenangan beliau, kata Najib, menunjukkan bahawa ahli politik tidak boleh mengambil mudah akan pengundi.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, turut berharap kerjasama Malaysia dan AS akan lebih kukuh di bawah pentadbiran Trump.

"Tahniah kepada Donald Trump. Semoga kemenangan ini menandakan satu permulaan baharu dan memberi manfaat kepada semua," katanya menerusi entri di Facebook rasminya, semalam.